



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (63)

Tarikh : 3 November 2015

## SIARAN MEDIA

### Malaysia ke arah Bandar Berdaya Tahan

**Kuala Lumpur, 3 November 2015** - Bertemakan Bandar Berdaya Tahan (*Making Cities Resilient*) yang didefinisikan sebagai kemampuan bandar dalam mengadaptasi serta menghadapi kesan senario transformasi dan perubahan serta kebolehan untuk segera pulih semula dalam sebarang kemungkinan bencana dan krisis sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2015 dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini.

2. Menterinya YB Datuk Abdul Rahman Dahlan menjelaskan, "Pembangunan bandar berdaya tahan *resilience cities* tidak hanya mengambil kira permasalahan bencana alam sekitar yang meruncing tetapi turut memberi perhatian kepada pembangunan bandar yang mempunyai permasalahan membimbangkan dan perlu ditangani- ekonomi dan sosial seperti krisis kewangan, kadar pengangguran yang meningkat, kekurangan sumber makanan dan bekalan air, pergolakan dan keganasan yang menular dalam kehidupan masyarakat".

3. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia sentiasa mengambil pendekatan yang mesra penduduk dalam semua cadangan dan inisiatif perancangan bandar dan desa. Untuk menyokong ke arah bandar berdaya tahan, di pagi ini dilancarkan Sistem Perancangan Maklumat Guna Tanah Bersepadu (i-Plan) di mana i-Plan ini menyimpan, mengurus, mengemaskini, menganalisis dan membekalkan maklumat dan data gunatanah Semenanjung Malaysia secara atas talian. Ia mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, *seamless* dan sentiasa dikemaskini untuk memudahkan perkongsian maklumat antara agensi melalui capaian secara atas talian. Objektif utama penubuhan i-Plan adalah untuk memudahcara pengurusan maklumat guna tanah perancangan,

mengintegrasikan teknologi yang melibatkan maklumat geospasial dan bukan spatial, mengelakkan pertindihan penyediaan maklumat dan mewujudkan pangkalan data bersepadu dan terkini.

4. Sebelum ini, JPBD telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (CoE) pada Jun 2014 yang merupakan platform untuk melaksanakan projek-projek yang boleh menghasilkan produktiviti dan impak yang tinggi serta menjalankan penyelidikan ke atas isu perancangan bandar yang memerlukan perhatian segera. Pusat ini mengandungi enam (6) kluster iaitu Pembangunan Inklusif, Kemampuan Alam Sekitar, Kesejahteraan Sosial, Kebudayaan dan Gaya Hidup, Inovasi Teknologi dan Urus Tadbir Berkesan.

5. Sempena HBPS 2015 ini, disampaikan penghargaan ke atas sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi kerajaan dalam mengukur dan memantau pencapaian dan kemajuan bandar serta luar bandar dengan memberi Anugerah Bandar Mampan 2014 (MURNInets) dan penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2015 dan *Community Excellence Award* dan *The Legacy Award For Excellence In Planning* kepada individu dan komuniti yang menyokong ke arah persekitaran komuniti sejahtera.

6. Buat julung kalinya, JPBD mengadakan menganjurkan Mesyuarat Ketua- Ketua Jabatan Perancang Bandar ASEAN sempena Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN yang akan berlangsung pada esoknya 4 November .

7. Orang ramai dijemput hadir ke pameran sempena HBPS 2015 ini di Hotel JW Kuala Lumpur. Sambutan HPBS ini adalah acara tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia yang telah disambut semenjak tahun 1949 bagi menghargai peranan perancangan bandar.

---

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)